

Cabutan Minit Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Peringkat KKMM Bilangan 1 Tahun 2017 – Isu Isu Baharu Daripada Wakil Pekerja MBJ KKMM

Tarikh Mesyuarat : 15 Mac 2017

Bil.	Usul / Cadangan	Maklumbalas
5.1.1	Pusingan Kerja (Job Rotation) Wakil MBJ KKMM mencadangkan agar pusingan kerja dilaksanakan secara dalaman. Ini bertujuan untuk memperkaya dan meluaskan tugas pegawai, mempelbagaikan pengalaman dan memberi pendedahan untuk kemajuan kerjaya pegawai.	Mesyuarat bersetuju dan meminta agar ahli MBJ melaksanakan kajian (survey) dan senarai pegawai yang berminat untuk bertukar dipanjangkan kepada BPSM untuk pertimbangan.
5.1.2	Tuntutan Cucian Kenderaan Wakil Pihak Pekerja mencadangkan agar pemandu yang bertugas rasmi di luar Ibu Pejabat diberi kebenaran untuk membuat tuntutan cucian kenderaan.	Mesyuarat bersetuju dengan cadangan tersebut dan Bahagian Kewangan diminta untuk mengambil tindakan sewajarnya berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan WP4.1
5.1.3	Keperluan Kelengkapan dan Kemudahan Surau KKMM Pihak Pekerja memohon agar Kementerian menyediakan kelengkapan dan kemudahan di Surau KKMM seperti berikut : a) Cordless Microphone untuk Imam; dan b) Rak barang di tempat wuduk.	Mesyuarat bersetuju dengan permohonan tersebut manakala Pengerusi bersetuju untuk membiayai pembelian Cordless Microphone.
5.1.4	Kafetaria KKMM Pihak Pekerja mencadangkan agar operasi kafeteria ditambah baik seperti mempelbagaikan menu dan caj harga makanan yang berpatutan. Wakil pekerja juga mencadangkan agar beberapa gerai yang menjual pelbagai makanan disediakan sebagai pilihan menu tambahan warga KKMM.	Mesyuarat bersetuju dengan permohonan tersebut dan meminta BKP melalui Jawatankuasa Pemantauan Kantin dan Kedai Serbaneka memaklumkan perkara ini kepada pengusaha. Pengerusi juga meminta BKP untuk menambah baik laluan ke ruang kafeteria dan kedai serbaneka agar lebih kemas dan teratur.